

Manfaat ilmu untuk kebaikan sejagat



Oleh ANGELINA SINYANG

utusanarawak@utusan.com.my

■ KOTA SAMARAHAN 14 NOV.

PARA graduan yang merupakan golongan intelek perlu memanfaatkan ilmu dan kemahiran dimiliki untuk membuat kebaikan demi kesejahteraan sejagat.

Yang Dipertua Negeri Sarawak merangkap Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Tun Abdul Taib Mahmud berkata, secara realitinya dunia kini berterusan mengalami perubahan.

Beliau berkata, impak globalisasi membuatkan teknologi lama menjadi lapuk dan usang, manakala masa depan menuntut manusia agar tidak leka serta selesa dengan kejayaan yang sudah dicapai.

"Sebagai graduan berilmu, masanya sudah tiba untuk anda menabur jasa dan mengengas budi.

"Gunakanlah ilmu di dada ke arah kebaikan dan kesejahteraan sejagat. Janganlah berhenti membaca dan menambah ilmu kerana membaca itu tunggak kejayaan jati setiap insan," katanya berucap merasmikan Sidang Pertama, Majlis Konvokesyen Unimas Ke-19 di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR Putra) Unimas di sini, hari ini.

Yang turut hadir, isterinya, Toh Puan Ragad Kurdi Taib; Ketua Menteri merangkap Pro Canselor



ABDUL TAIB MAHMUD (tengah), Adenan Satem (empat dari kanan), Alfred Jabu Numpang (empat dari kiri), Mohamad Kadim Suaidi (tiga dari kanan) dan Hatta Solhi bersama penerima Anugerah Pelajar selepas Majlis Konvokesyen Unimas Ke-19 di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), Kota Samarahan, Sarawak, semalam.

Unimas, Tan Sri Adenan Satem dan isteri, Puan Sri Jamilah Anu; Timbalan Ketua Menteri juga Pro Canselor Unimas, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Datuk Dr. Hatta Solhi serta Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

Majlis Konvokesyen Unimas Ke-19 akan berlangsung dalam enam sidang bermula hari ini hingga Selasa depan dengan 3,572 graduan adalah prasiswazah manakala selebihnya 347 orang merupakan graduan pasca siswazah.

Dalam sidang pertama hari ini,

Abdul Taib turut menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pemuliharaan Alam Sekitar kepada Adenan atas sumbangannya memulihara alam sekitar di negeri ini.

Sementara itu, bekas pengurus kanan kem pembalakan, **Toh Kah**

Hwat, 61, mencipta sejarah sebagai graduan tertua menerima ijazah doktor falsafah (PhD) di Unimas.

Kesibukan tugas sebagai pengurus kanan di sebuah kem pembalakan tidak menghalang bapa kepada tiga anak itu menimba ilmu dan mencapai cita-cita untuk

menggenggam segulung PhD.

Walaupun mengambil masa enam tahun menamatkan pengajian dalam bidang Keusahawanan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Kah Hwat berkata, keinginan mahu menimba ilmu tidak pernah padam meskipun usianya meningkat tua, malah sudah bersara sejak tiga tahun lalu.

"Disebabkan minat belajar, saya tidak kisah berulang-alik dari Sibul ke Unimas sekurang-kurangnya sekali dalam dua bulan untuk mengikuti kelas dan menyiapkan kerja kursus.

"Walaupun sebelum bersara tiga tahun lalu, saya sibuk dengan kerja sebagai pengurus kanan di kem pembalakan tetapi itu bukan halangan untuk saya menamatkan pengajian," katanya ketika ditemui selepas menerima ijazah berkenaan.

Kah Hwat berkata, sebelum mengikuti pengajian PhD di Unimas, beliau terlebih dahulu memperoleh Ijazah Sarjana dalam Pengajian Komunikasi di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) atau kini dikenali Universiti Putra Malaysia, pada 14 tahun lalu.

Sementara itu, penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Pingat Jaya Cemerlang (Bumiputera), **Anis Afiqah Ab. Aziz**, 23, berharap kejayaan dicapai akan memberi inspirasi kepada empat adiknya yang masih belajar.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan berasal dari Johor Bahru itu merupakan anak sulung daripada lima beradik dan pernah mewakili Unimas ke Jepun untuk menyertai Program Pertukaran Sakura (pertukaran pelajar) dengan kerjasama University of Electro-Communication dan kerajaan Jepun.